

Pelaburan balak disekat

LANGKAWI 25 Ogos — Perdana Menteri hari ini mendedahkan tindak-tanduk negara-negara kuasa serantau menghulurkan bantuan kewangan kepada negara-negara membangun supaya menghalang syarikat-syarikat pembalakan dari Malaysia dan negara-negara ASEAN meluaskan pelaburan mereka di negara-negara berkenaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sepa-

tutnya negara-negara kuasa serantau itu awal-awal lagi berbuat demikian dan bukan selepas syarikat-syarikat itu menjalankan operasi mereka.

“Saya tidak tahu sama ada tindakan itu kerana masalah alam sekitar ataupun yang lain.

“Saya fikir mereka tidak suka kita masuk apa yang dianggap sebagai wilayah mereka dan mereka mempunyai kuasa, jadi kita tidak boleh masuk,” ujarnya.

Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mempunyai kebolehan untuk melabur dalam industri pembalakan dan pelaburan ini mendatangkan faedah kepada penduduk di negara-negara membangun berkenaan.

Beliau memberitahu para pemberita demikian selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN di Langkawi Island Resort (LIR) di sini, hari ini.

Antara yang hadir ialah Menteri Industri Brunei Darussalam Pehin Datuk Abdul Rahman Taib, Menteri Pertanian Indonesia, H.E. Dr. Sjarifudin Baharsjah, Timbalan Menteri Koperatif Thailand H.E. Suthep Thaugsuban, Setiausaha Pertanian Pilipina H.E. Roberto S. Sebastian dan Setiausaha Agung ASEAN Datuk Ajit Singh.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Perusahaan Uta-

ma Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik adalah antara anggota delegasi negara ke mesyuarat tersebut.

Mengulas cadangan Memorandum Persefahaman (MOU) yang akan ditandatangani bagi meningkatkan lagi kerjasama di bidang pertanian dan perhutanan di kalangan negara ASEAN di sini esok Perdana Menteri berkata:

“Terdapat banyak bidang kerjasama dalam bidang pertanian perhutanan dan

kita tidak harus bersaing sehingga kita rugi dan pembeli yang untung.”

Oleh itu, kata beliau, dalam sebarang bidang, negara-negara ASEAN sepatutnya mengadakan rundingan yang hasilnya boleh dimanfaatkan bersama.

“Rundingan ini bukan untuk mengadakan kartel tetapi supaya kita tidak dipermainkan oleh kartel pembeli,” kata Perdana Menteri.